

LAMAN TAFATQQUH

QANA'AH
(MERASA CUKUP
DENGAN APA YANG
ADA)

SURAH FATHIR AYAT 15

Firman ALLAH SWT:

“Wahai manusia! Kamulah yang memerlukan ALLAH, dan ALLAH DIAlah Yang Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu), lagi Maha Terpuji.”

PENGAJARAN AYAT

- ◉ Ayat di atas adalah ayat yang menyatakan bahawa manusia sememangnya perlu kepada ALLAH dan kita haruslah merasa cukup dengan ALLAH dan pemberianNya.
- ◉ Barangsiapa yang diberikan sifat qana'ah oleh ALLAH, maka sesungguhnya ALLAH menginginkan kebaikan bagi dirinya, kerana dengan sifat qana'ah dapat menyelamatkan dirinya daripada kehinaan mengemis, dan dapat memelihara kehormatannya daripada mengharapkn sesuatu pertolongan selain ALLAH
- ◉ Sifat qana'ah bukanlah bermaksud kita tidak perlu berusaha untuk mencapai yang terbaik di dalam hidup tetapi kita harus bekerja dengan cara yang halal dan menghilangkan sikap malas, untuk mendapatkan rezeki daripada usaha dan keringat sendiri.
- ◉ Cuba anda fikirkan, betapa indahnya pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang hamba demi untuk mencukupkan keperluan dan orang-orang tersayang di bawah tanggungannya. Ini kerana bekerja untuk memenuhi keperluan keluarga merupakan satu bentuk ibadah yang sangat mulia apabila disertai dengan niat yang baik dan benar, terutamanya apabila kewangan yang diperolehi dikelolakan secara baik, tidak membazir dan tidaklah pula terlalu berjimat, malah redha dengan yang sedikit, di atur cara kehidupan yang bersederhana, mengikut keadaan sewajarnya dan mencukupi.
- ◉ Di samping itu, sifat ini dapat mengelakkan kita dari lalai pada matlamat akhirat akibat terlalu mengejar dunia kerana prioriti akan diberikan pada urusan akhirat dan urusan dunia yang menjurus kepada kebaikan di akhirat.